

**PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI BAGI KURSUS SIJIL
KEJURUTERAAN ELEKTRIK : SATU KAJIAN DI POLITEKNIK
KOTA BHARU**

SAIFUL AZIZI BIN ABDULLAH

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

FEB 2004

Teristimewa Buat KELUARGA KU.....

Abah dan Ma tersayang...Pengorbanan mu ku julang tinggi

Juga buat Isteri tercinta... yang begitu memahami

Buat permata hatiku...kaulah sumber ilhamku


Serta Teman-teman semua...Terima Kasih segalanya.

“Pengorbanan Kalian Sentiasa Dalam Ingatan Di Sepanjang Hayat”



PTAAU
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

PENGHARGAAN



Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas petunjuk, rahmat dan keizinannya pengkaji memperoleh ketabahan untuk menyiapkan kajian ilmiah ini dengan jayanya. Di kesempatan ini pengkaji dengan bangganya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Saifullizam B. Puteh selaku penyelia projek yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, pandangan, nasihat serta mencurahkan pengalaman yang berguna dalam proses menjayakan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Puan Azlina Bt. Ahmad (Ketua Jabatan Elektrik Politeknik Kota Bharu), Pegawai-Pegawai Unit Latihan Industri, Politeknik Kota Bharu, En. Yuzha B. Usoff, Puan Johanisah dan para pelajar Politeknik Kota Bharu di atas kerjasama menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan jujur.

Akhir kalam pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah sama-sama memberi dorongan, ilham, sokongan dan kerjasama dalam menjayakan projek sarjana ini. Segala jasa baik dari semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang pelaksanaan projek ini akan dikenang dan semoga Allah sajalah yang membalas segala budi baik mereka dengan mengurniakan rahmat dan kesejahteraan, "*Dari-NYA Kita Datang, Kepada-NYA Kita Kembali.*" InsyaAllah.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan program latihan industri bagi kursus Sijil Kejuruteraan Elektrik mengikut perspektif pelajar. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Sijil kejuruteraan Elektrik di Politeknik Kota Bharu yang telah menjalani latihan industri. Instrumen kajian terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.5 (*Statistical Package for the Social Science Version 11.5*) dan dipersembahkan dalam bentuk min, peratus dan keterangan analisis. Dapatan kajian pertama berkenaan dengan pandangan responden terhadap tahap pengetahuan dan persediaan menjalani latihan industri menunjukkan purata skor min pada tahap kecenderungan yang tinggi iaitu 4.07. Begitu juga dengan dapatan kajian yang kedua berkenaan dengan pandangan responden terhadap peranan pihak politeknik dalam menentukan penempatan pelajar yang mengikuti latihan industri berada pada tahap kecenderungan yang tinggi iaitu purata skor min adalah 4.06. Bagi dapatan yang ketiga berkenaan dengan pandangan responden terhadap kesesuaian program latihan industri yang dijalankan menunjukkan purata skor min juga berada pada tahap kecenderungan yang tinggi iaitu 4.25. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menunjukkan reaksi yang positif di mana tiga aspek yang di kaji menunjukkan purata skor min yang tinggi.

ABSTRACT

The purpose of this study is to know the perception of Electrical Engineering's students about implementation of industrial training among them. The research respondent for this study is certificate students of Electrical Engineering, Politeknik Kota Bharu. Questionnaire for this study has divided into five part which are A, B, C, D and E. All of data that collected was analyze using SPSS system and present by mean score, percentage values and elaborations. Average mean score for knowledge level and preparation is 4.07; the role of polytechnic members in deciding the place for training is 4.06 and suitability industrial training is 4.25. Overall of this study showed that all respondent agree and positive with three aspects that had focused according of all mean score are in highest position.



PTAA
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMANAH

KANDUNGAN

PERKARA **MUKASURAT**

PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL

HALAMAN PENGAKUAN

ii

HALAMAN DEDIKASI

iii

HALAMAN PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xii

SENARAI LAMPIRAN

xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop Kajian	8

1.8	Kerangka Teori	9
1.9	Definisi Istilah	10

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia	12
2.3	Politeknik Kota Bharu	14
2.4	Jabatan Kejuruteraan Elektrik Di Politeknik Kota Bharu	16
2.5	Tujuan Latihan Industri	17
2.6	Objektif Latihan Industri	18
2.7	Prosedur Perlaksanaan Program Latihan Industri	18
2.8	Faedah Latihan Industri	20
2.9	Kesesuaian Tempat Latihan Industri	21
2.10	Sikap Pelajar Terhadap Latihan Industri	21

BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	23
3.2	Rekabentuk Kajian	23
3.3	Kerangka Operasi Kajian	24
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	26
3.5	Instrumen Kajian	27
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	29
3.7	Analisis Data	30
3.8	Batasan Kajian	31
3.9	Andaian Kajian	32

BAB IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

4.1	Pengenalan	33
4.2	Proses Penganalisaan Data	34
4.3	Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden	35
4.3.1	Jantina	36
4.3.2	Bangsa	36
4.3.3	Kursus	37
4.3.4	Tempat Latihan Industri	37
4.3.5	Adakah Tempat Latihan Mengikut Pilihan Anda	38
4.4	Analisis Bahagian B	39
4.4.1	Analisis Pandangan Responden Terhadap Tahap Pengetahuan Dan Persediaan Menjalani Latihan Industri	39
4.5	Analisis Bahagian C	42
4.5.1	Analisis Pandangan Responden Terhadap Peranan Pihak Politeknik Dalam Menentukan Penempatan Pelajar Yang Mengikuti Latihan Industri	44
4.6	Analisis Bahagian D	46
4.6.1	Analisis Pandangan Responden Terhadap Kesesuaian Program Latihan Industri Yang Dijalankan	47
4.7	Analisis Bahagian E	48

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	49
5.2	Perbincangan	49
5.2.1	Perbincangan Hasil Kajian Bahagian B	50
5.2.2	Perbincangan Hasil Kajian Bahagian C	52
5.2.3	Perbincangan Hasil Kajian Bahagian D	54
5.3	Kesimpulan	56
5.4	Cadangan	57
5.4.1	Cadangan Produk	57
5.4.1.1	Pengenalan	57
5.4.1.2	Objektif	58
5.4.2	Cadangan-Cadangan Lain	58
5.4.2.1	Kepada Pihak Politeknik Kota Bharu	59
5.4.2.2	Kepada Pihak Industri	60
5.4.2.3	Kepada Pelajar	60

RUJUKAN

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

LAMPIRAN C

LAMPIRAN D

LAMPIRAN E

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Jadual Populasi Dan Sampel Kajian	26
3.2	Pemarkahan Item-Item Skala Likert	29
3.3	Pembahagian keputusan bagi Skala Likert	31
4.1	Skala dan keputusan analisis	35
4.2	Jadual Tahap Kecenderungan	35
4.3	Jantina Responden	36
4.4	Bangsa Responden	37
4.5	Kursus Responden	37
4.6	Tempat Latihan Industri Responden	38
4.7	Tempat Latihan Mengikut Pilihan Responden	38
4.8	Analisis Pandangan Responden Terhadap Tahap Pengetahuan Dan Persediaan Menjalani Latihan Industri	40
4.9	Analisis Pandangan Responden Terhadap Peranan Pihak Politeknik Dalam Menentukan Penempatan Pelajar Yang Mengikuti Latihan Industri	43
4.10	Analisis Pandangan Responden Terhadap Kesesuaian Program Latihan Industri Yang Dijalankan	46

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.8	Kerangka Teori	9
3.1	Kerangka Operasi Kajian	26



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

- | | |
|---|---|
| A | Borang Soal Selidik |
| B | Nilai Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bagi Kajian Rintis |
| C | Data Analisis Kajian |
| D | Cadangan Produk |
| E | Carta Gantt |



PT TA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Institusi pengajian tinggi merupakan satu pusat yang melahirkan tenaga mahir dan separuh mahir dalam pelbagai bidang profesional terutamanya dalam bidang yang berkaitan dalam bidang kejuruteraan seperti Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan berbagai-bagai institusi untuk menyediakan kemahiran kepada para pelajar. Salah satu institusi pendidikan dibawah kelolaan KPM adalah politeknik. KPM sedang merancang menubuhkan 10 lagi Politeknik menjadikan keseluruhannya 22 buah. Sehingga penulisan ini dibuat, sebanyak 16 politeknik telah beroperasi dan mempunyai pelajar dan tenaga pengajar. Tenaga kerja yang dilahirkan di politeknik-politeknik dilihat mempunyai masa depan yang cerah dalam prospek pekerjaan berbanding dengan graduan dari institusi pengajian yang berteraskan akademik semata-mata (Roslan Sarip, 2002).

Semua sistem pendidikan dan vokasional telah dipertingkatkan bagi melahirkan lebih ramai tenaga manusia yang terlatih. Sehubungan dengan itu, beberapa program telah diatur dan dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menampung permintaan pasaran, antaranya ialah latihan industri. Keperluan latihan industri ini dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan institusi pengajian dengan tujuan untuk menyediakan tenaga kerja yang berdaya saing memenuhi spesifikasi semasa industri (Khairiani Othman et. al., 2001).

Untuk melayakkan para pelajar untuk dianugerahkan sijil, mereka diwajibkan menjalani latihan industri selama enam bulan ataupun satu semester di mana-mana organisasi yang sesuai. Objektif utama latihan industri berkenaan adalah untuk memberikan pendedahan yang sewajarnya dengan suasana pekerjaan yang sebenar dan para pelajar mampu untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam kuliah. Pengalaman berkenaan mampu dijadikan asas kepada para graduan yang dilahirkan untuk meneroka alam pekerjaan yang sebenar.

Tahun 2020 menjadi satu tahun keramat bagi mencapai banyak perkara bagi rakyat Malaysia terutamanya selepas bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad merealisasikan wawasannya. Dalam keghairahan rakyat Malaysia menuju ke arah negara yang setanding dengan negara-negara maju yang lain, bidang pendidikan perlu memainkan peranannya yang tersendiri untuk merealisasikan wawasan yang selama ini dibayangkan. Pembangunan ekonomi yang mampan dan berterusan bergantung kepada pencapaian, pengkelan produktiviti dan daya saing industri yang tinggi di negara ini (Fadlol Hadi dalam Syahira Mohd Zayadi, 2002)

Politeknik adalah salah satu institusi pendidikan di bawah KPM yang memainkan peranan penting dalam melahirkan lulusan yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal. Objektif penubuhan politeknik ini adalah untuk melatih para lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) (SPMV), menghasilkan tenaga kerja separa profesional di dalam bidang kejuruteraan,

perdagangan dan hospitaliti. Ia bertujuan melahirkan produk yang memenuhi kriteria seperti berkualiti, berdaya saing dan memiliki pengetahuan serta kemahiran yang memenuhi spesifikasi industri dan pasaran dunia. Keberkesanan sistem pendidikan di politeknik banyak dipengaruhi oleh sokongan padu serta kerjasama di antara kedua belah pihak iaitu pelajar dan kakitangan.

Selain dari itu, faktor kemudahan yang serba canggih yang disediakan juga banyak memberi kesan kepada kemajuan di politeknik. Para tenaga pengajarnya pula hampir mencapai 50% mempunyai pendidikan di peringkat Sarjana dan selebihnya merupakan pengajar yang mempunyai pengalaman luas di dalam bidang kejuruteraan

Untuk merealisasikan visi KPM, setiap pelajar politeknik diwajibkan menjalani dan lulus latihan industri selama satu semester. Latihan industri ini wajib dijalankan setiap pelajar pada semester tiga bagi kursus sijil dan semester empat bagi kursus diploma. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai suasana sebenar kerja dan dapat mengaplikasi segala teori dan amali yang dipelajari semasa menjalani latihan industri.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latihan industri merupakan satu pendedahan kerja dalam masa yang singkat yang perlu diikuti dengan konsep sebenar alam pekerjaan di dalam mengaplikasikan teori dan kemahiran sedia ada agar pengalaman ini dapat dimanfaatkan semaksima mungkin. Daripada pengalaman menjalani latihan industri ini, pelajar akan dapat dilengkapi dengan pengetahuan baru, kecekapan dan kebolehan sebelum memasuki alam pekerjaan.

Menurut Anis (1999), latihan industri adalah keadaan yang membenarkan para pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari di luar sistem persekolahan dan mendedahkan mereka terhadap pengalaman kerja. Latihan industri juga berperanan mengetahui kebolehan diri dalam mengendalikan aset ke arah memenuhi kepercayaan kakitangan, memahami nilai dan norma yang wujud dalam organisasi.

Latihan industri juga menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam suasana pekerjaan, dengan meletakkan budaya positif seperti bersaing, berusaha memajukan diri dan mengekalkan kewibawaan. Secara tak langsung pelajar-pelajar dapat mengetahui kekuatan imej diri dengan menghormati pekerja lain dan organisasi semasa menjalani latihan.

Menurut Ismail Aasis (1999), kebanyakan institusi-institusi pendidikan yang melatih tenaga kerja terlatih dan separa mahir terutamanya dalam bidang teknik dan vokasional hanya menitikberatkan kursus berbentuk teori semata-mata dan kurang penekanan terhadap aspek amali dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Ini mungkin menjadi salah satu faktor terhadap masalah yang timbul pada hari ini sebab-sebab mengapa ramai lulusan institusi pengajian tinggi gagal mendapat tempat di alam pekerjaan.

Alam pekerjaan tidaklah semudah yang kita jangkakan, meneroka sendiri suasana pekerjaan akan memamatkan seseorang pelajar. Pelajar politeknik sudah biasa dengan keadaan ini kerana pengalaman mengikuti program latihan industri yang dilaksanakan secara sistematik di Politeknik-Politeknik KPM. Namun begitu, sebelum kita melangkah ke alam pekerjaan sebenar beberapa perkara perlu diambil kira antaranya seperti, cabaran sebenar suasana pekerjaan, saingan yang perlu dihadapi, persediaan diri serta kemahiran yang ada.

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji prosedur pelaksanaan terhadap latihan industri bagi pelajar-pelajar kursus sijil kejuruteraan elektrik di kalangan pelajar

Politeknik Kota Bharu yang menjalani latihan industri. Pemilihan Politeknik Kota Bharu adalah berdasarkan aspek status iaitu pengkaji adalah merupakan bekas pelajar Politeknik Kota Bharu dan ini memudahkan perhubungan di antara pengkaji dengan pihak pengurusan. Politeknik Kota Bharu merupakan politeknik yang kelima ditubuhkan dibawah KPM iaitu pada tahun 1985. Di awal penubuhannya ia beroperasi di kampus sementara bertempat di Sekolah Menengah Teknik Bunut Susu, Pasir Mas Kelantan. Menjelang tahun 1988 politeknik ini telah berpindah ke kampus tetapnya di Kok Lanas, Ketereh, Kota Bharu. Memandangkan hampir dua dekad pengoperasian Politeknik Kota Bharu, ianya telah banyak menghasilkan produk separuh mahir.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji pelaksanaan latihan industri terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Sijil Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Kota Bharu yang mana bersesuaian dengan bidang pengkhususan yang diikuti. Program latihan industri sememangnya banyak membawa kebaikan dan keuntungan kepada pelajar. Namun begitu, mengikut kajian oleh Wood dan Thompson dalam Fa'izah Yaacob (2000), mendapati bahawa latihan adalah tidak berkesan dan tidak sesuai, membazir wang dan masa.

Menurut Muhamad Rumzi Mamat dalam Suhana Ramli (2003), keberkesanan latihan industri juga sukar untuk dicapai kerana terdapatnya segelintir pelajar yang tidak mematuhi peraturan semasa menjalani latihan industri. Kajian ini menggunakan beberapa aspek penting yang boleh mempengaruhi pelaksanaan latihan industri kepada pelajar yang menjalani latihan industri. Aspek-aspek tersebut ialah kesesuaian pelajar terhadap bidang pengkhususan yang diikuti, penempatan pelajar di organisasi yang

menjalani latihan dan pengetahuan serta kemahiran tambahan yang perlu ada sebelum menjalani latihan industri. Namun begitu, program latihan industri yang akan dijalankan tidak dapat mencapai tahap keberkesanan 100% sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak terbabit kursusny pihak universiti, pelajar dan juga organisasi terbabit.

Persediaan para pelajar dalam menjalani latihan industri adalah penting dari segi kemahiran, pengetahuan dalam teknologi yang dipelajari dan teori yang berkaitan dengan kursus yang diikuti. Program latihan industri mula ditekankan dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia pada tahun 1981. Tujuan utamanya adalah untuk merancang keperluan tenaga mahir yang dapat dilatih bersesuaian dengan kehendak industri ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Ia selari dengan matlamat pendidikan teknik dan vokasional iaitu untuk membantu pelajar meningkatkan potensi dan kemahiran, menerapkan nilai-nilai kerja yang baik dan sikap positif di kalangan pelajar bagi melahirkan produk yang produktif dan berkesan (Wilson, 1989 dalam Khairiani Othman et. al., 2001).

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sama ada pelajar Sijil Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Kota Bharu telah bersedia dari segi pengetahuan dan kemahiran semasa menjalani latihan industri.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dijadikan panduan untuk mendapatkan maklumat bagi pelaksanaan latihan industri di Politeknik Kota Bharu;

Persoalan-persoalan tersebut adalah:

- i. Sejauhmanakah tahap pengetahuan dan persediaan menjalani Latihan Industri mengikut perspektif pelajar?
- ii. Apakah peranan pihak politeknik dalam menentukan penempatan pelajar yang akan mengikuti latihan industri?
- iii. Adakah program latihan industri yang dijalankan bersesuaian dengan kursus yang diikuti?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai tahap perlaksanaan latihan industri yang diikuti oleh para pelajar Sijil Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Kota Bharu. Pengkaji juga telah mengumpul maklumat dari segi pendapat dan pandangan dari responden yang terlibat bagi menjayakan kajian ini.

Objektif-objektif yang perlu dicapai ialah :

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan dan persediaan menjalani Latihan Industri mengikut perspektif pelajar.
- ii. Mengenalpasti peranan pihak politeknik dalam menentukan penempatan pelajar yang mengikuti latihan industri.
- iii. Mengenalpasti kesesuaian program latihan industri yang dijalankan sesuai dengan bidang kursus pelajar.


1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui pelaksanaan program latihan industri bagi kursus Sijil Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Kota Bharu dari segi kemahiran dan pengetahuan. Di harap kajian ini dapat memberi manfaat dan panduan kepada pihak Politeknik Kota Bharu kursusnya dan pihak Jabatan Pendidikan Teknikal, KPM amnya dalam meningkatkan mutu program latihan industri agar dapat direalisasikan dengan objektif latihan industri yang dijalankan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Politeknik Kota Bharu bagi memastikan latihan industri yang akan dijalankan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh KPM. Kajian ini tertumpu kepada pelajar Semester Empat Sijil Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Kota Bharu sesi 2003/2004 . Kajian ini juga untuk melihat persepsi pelajar dalam aspek pengetahuan dan persediaan pelajar, peranan Politeknik Kota Bharu dalam menentukan penempatan pelajar dan kesesuaian program latihan industri yang dijalankan sesuai dengan kursus pelajar.

1.8 Kerangka Teori




Rajah 1.1: Kerangka Teori

Hasil daripada kajian pengkaji, kerangka teori di atas telah diadaptasikan daripada satu kajian lepas iaitu “Tahap Penguasaan Pengetahuan, Kemahiran Serta Pengalaman Semasa Latihan Industri Sebagai Persediaan Sebelum Memasuki Dunia Pekerjaan Dalam Sektor Pelancongan” (Norhaslin Abu Hassan, 2003) di mana seseorang pelajar perlu melengkapkan diri dengan tiga aspek utama sebelum mereka menamatkan pengajian bagi membolehkan mereka menceburkan diri dalam dunia pekerjaan. Tiga aspek tersebut adalah penguasaan dari segi pengetahuan, kemahiran serta pengalaman semasa latihan industri.

Dua dari aspek penguasaan ini disokong oleh Cheung dan Lewis (1998), di mana beliau mengatakan apabila seseorang pelajar itu ingin menceburkan diri di dalam dunia pekerjaan, mereka perlulah menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang dikehendaki oleh majikan dengan secukupnya. Manakala satu aspek lagi disokong oleh Shahril (1993) di mana pelajar juga perlu mendapat serba sedikit pendedahan melalui latihan industri supaya kefahaman mengenai spesifikasi bidang kerja adalah lebih jelas.

1.9 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang sering digunakan. Bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas dan bertepatan dengan maksud kajian ini, definisi-definisi istilah tersebut dinyatakan seperti di bawah :

- 
- i. **Latihan**
Pelajaran atau didikan untuk memahirkan atau membiasakan ajaran yang diterima. Ia juga bermaksud satu proses pelaksanaan sesuatu kerja atau ajaran secara berterusan untuk memahirkan seseorang itu di dalam sesuatu bidang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).
 - ii. **Industri**
Perusahaan yang biasanya secara besar-besaran untuk menghasilkan, membuat, mengeluarkan barangan atau bahan untuk keperluan lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).

iii. Latihan Industri

Latihan industri adalah program pendidikan yang merupakan langkah untuk mengembangkan potensi pelajar dalam bidang kejuruteraan dan membina keupayaan untuk menjalankan tugas-tugas apabila mereka tamat pengajian untuk membolehkan mereka bersaing dalam pasaran pekerjaan di agensi awam atau swasta (Khairiani Othman et. al., 2001).

iv. Pelajar

Pelajar semester empat kursus Sijil Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kota Bharu sesi 2003/2004.

v. Tahap pengetahuan dan persediaan

Peringkat kepandaian, bijaksana dan berilmu serta kecekapan yang ada dalam diri pelajar-pelajar untuk menjalankan tugas-tugas yang diberikan semasa latihan industri.

vi. Peranan Pihak Politeknik

Tugas atau tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Unit Latihan Industri Politeknik kota Bharu dalam memantapkan program latihan industri.

vii. Program Latihan Industri

Satu perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak Politeknik Kota Bharu bagi pelajar-pelajar sijil kejuruteraan elektrik. Pelajar-pelajar perlu melaksanakan perancangan ini semasa berada pada semester 3 selepas memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Latihan industri merupakan satu latihan yang wajib diikuti bagi setiap pelajar yang mengikuti kursus di politeknik-politeknik di Malaysia. Latihan industri ini perlu dijalankan di sektor swasta ataupun sektor awam. Jangkamasa yang ditetapkan oleh pengurusan di politeknik adalah selama 6 bulan pada semester tiga bagi kursus sijil dan semester empat bagi kursus diploma. Perancangan yang demikian di buat dengan harapan para pelajar berupaya melaksanakan tugas-tugas di industri dengan mengaitkan pelajaran teori semasa di dalam kampus dan amali di tempat latihan industri.

2.2 Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia

Sebagai salah satu pusat pengajian tinggi awam yang menawarkan kursus-kursus yang berbentuk kemahiran, visi Politeknik KPM adalah berazam untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti bagi

RUJUKAN

Anis Laila Yop Abdullah (1999). "The Perception Of Service Polytechnic Lecturers Regarding Industrial Training". A Research Study. KUiTTHO (tidak diterbitkan)

Abd. Rani Manan (1992). "Kajian Mengenai Kesesuaian Latihan Industri Bagi Pelajar Kejuruteraan Awam Politeknik Ungku Omar". UTM: Tesis Sarjana Muda. (tidak diterbitkan).

Abdul Razak Ibrahim & Ainin Sulaiman (2000). "Gelagat Organisasi Edisi 8" Prentice Hall, Kuala Lumpur.

Abdul Aziz Abdul Rahman (1998). "Pengurusan Korporat (Latihan Di Tempat Kerja)". Dewan Masyarakat. Jun 1998 ms 63.

Abdul Azizi Alang Sapri (1994). "Kesesuaian Latihan Industri Bagi Pelajar Jentera Politeknik Ungku Omar". UTM. Tesis Sarjana Muda.(tidak diterbitkan)

Cheung Chi-Kim dan Lewis, David (1998). "Employability Skills : The Demand of The Workplace." The Vocational Aspect of Education 47, no. 2, halaman 189-204.

Deppc, L.A., & Streuling (1991). "Emerging Competencies for The Practice Of Accounting". Journal of Accounting Education 9. no. 2 (Fall 2).

Dewan Bahasa Dan Pustaka (2000), "Kamus Dewan". Edisi Ketiga. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Drew, C.J.& Hardman (1996). "Designing and Conducting Research: Inquiry In Education And Social Science" Second Edition. Massachuasetts.

Fa'izah Yaacob (2000). "Tinjauan Ke atas Perlaksanaan Program Latihan Kemahiran Untuk Bakal Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Di ITTHO". KUiTTHO: Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).

Hanirah Mohamad Nur (2002). "Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Terhadap Program Latihan Industri Di KUiTTHO". KUiTTHO: Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).

Ismail Aasis (1999). "Tinjauan Ke atas Keberkesanan Program Latihan Industri Di Politeknik Sultan Ahmad Shah". KUiTTHO: Tesis Sarjana (tidak diterbitkan)

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). "Politeknik-Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia". Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Khairiani, Hafizah & Nik Ahmad Rizal (2001). "Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTHO Terhadap Keberkesanan Latihan Industri". KUiTTHO : Tesis Sarjana (tidak diterbitkan)

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (2001). "Buku Panduan Latihan Industri Fakulti Kejuruteraan". KUiTTHO, Batu Pahat, Johor.

Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

Nor Azah Ibrahim (1998). "Kejuruteraan Perisian Masa-Nyata Di UTM". UTM: Tesis Sarjana (tidak diterbitkan)

Norhaslin Abu Hassan (2003), "Tahap Penguasaan Pengetahuan, Kemahiran Serta Pengalaman Semasa Latihan Industri Sebagai Persediaan Sebelum Memasuki Dunia Pekerjaan Dalam Sektor Pelancongan". KUiTTHO: Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).

Nor Mohd Zulkarnain (1997). "Keberkesanan Latihan: Pengalaman Sebuah Agensi Pengembangan Di Malaysia. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).

Politeknik Kota Bharu (2001). "Panduan Latihan Industri Politeknik Kota Bharu" PKB, Kota Bharu.

Ramlee Mustapha (1999). "Pengintegrasian Akademik Dan Vokasional: Cabaran Pendidikan Alaf Baru". Jurnal Teknologi. 32 (e). UTM.

Roslan Sarip (2002). "Pendidikan Vokasional Dan Teknik Di Malaysia". Dewan Siswa. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Shahril Marzuki (1993). "Peranan Pendidikan Vokasional Dalam Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Bagi Mencapai Matlamat Wawasan 2020." Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid (7). 23-29.

Suhana Ramli (2003). "Program Latihan Industri: Keberkesanannya Terhadap Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Port Dickson". KUiTTHO: Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).

Syahira Mohd Zayadi (2002). "Pandangan Terhadap Keberkesanan Latihan Industri: Tinjauan Ke atas Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Di KUiTTHO". KUiTTHO : Tesis Sarjana (tidak diterbitkan)



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH